

Cubaan seludup kayu getah ke China tumpas

KUALA LUMPUR: Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) menumpaskan percubaan menyeludup kayu getah bergaji ke China, baru-baru ini.

Dalam operasi bersama pada 12 Mei lalu, sebanyak 126.126 meter padu kayu bergaji dianggarkan

bernilai RM114,500 dirampas di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), Pulau Pinang.

Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan MTIB, Norchahaya Hamim, berkata semua kayu berkenaan dimuatkan dalam empat kontena.

"Berikutan itu, MTIB sedang menyasat pengeksporth yang disyaki ter-

babit dengan aktiviti itu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, KDRM menjalankan siasatan bagi mendakwa pengeksporth yang membuat pengisytiharan palsu dan menyeludup barang yang dilarang di mengikut Seksyen 35(1)(a) Akta Kastam.

BH 9/6/04